



**PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD**  
**(Human Resources Development Berhad)**  
**TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA**  
**OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA**  
**50490 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

12 Julai 2004

---

**PEKELILING PENYEDIA LATIHAN BIL. 4/2004**  
**PENGGUNAAN FORMAT BARU BORANG SENARAI KEHADIRAN PELATIH DI**  
**BAWAH SKIM PERLA**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan penyedia latihan mengenai penggunaan Borang Senarai Kehadiran Pelatih yang baru di bawah Skim PERLA bagi menggantikan borang yang sedia ada.

**2. LATARBELAKANG**

- 2.1 PSMB telah menetapkan bahawa setiap pelatih yang menghadiri latihan hendaklah mencapai kehadiran minimum 75 peratus bagi melayakkan majikan mereka mendapat bantuan kewangan. Sungguhpun demikian, tuntutan geran latihan hanya boleh dibuat setelah latihan tamat sepenuhnya. Dibawah Skim PERLA, penentuan peratus kehadiran pelatih bergantung sepenuhnya kepada Senarai Kehadiran Pelatih iaitu Borang PSMB/PER/2/01 yang disahkan oleh penyedia latihan.

- 2.2 Walau bagaimanapun, terdapat segelintir penyedia latihan yang telah menyalahgunakan Borang Senarai Kehadiran Pelatih ini dengan memberi pengesahan kehadiran pelatih melebihi 75 peratus walaupun sebenarnya sebahagian daripada pelatih tersebut tidak menghadiri latihan langsung atau tidak mencapai peratus kehadiran minimum sebanyak 75 peratus daripada keseluruhan tempoh latihan yang ditetapkan. Lanjutan daripada ini, PSMB terpaksa mengubah format Borang Senarai Kehadiran Pelatih yang sedia ada dengan mewajibkan setiap pelatih menandatangani Borang Senarai Kehadiran Pelatih yang baru bagi tujuan mengesahkan kehadiran mereka pada hari-hari latihan diikuti.

**3. BORANG BARU SENARAI KEHADIRAN PELATIH**

- 3.1 Format baru Borang Senarai Kehadiran Pelatih bagi Skim PERLA (PSMB/PER/2/01) [Pin. 04] adalah seperti di Lampiran A. Setiap pelatih diwajibkan untuk menandatangani borang ini di ruangan tandatangan

pada setiap hari latihan diikuti.

- 3.2 Sekiranya bilangan hari latihan melebihi tiga hari, ruangan tandatangan pada borang ini boleh ditambah dan penyedia latihan dibenarkan membuat lampiran mengikut format yang sama.
- 3.3 Penyedia latihan bertanggungjawab membuat salinan fotostat yang disahkan benar Borang Senarai Kehadiran Pelatih ini bagi setiap majikan untuk membolehkan mereka membuat tuntutan elaun harian dan lain-lain kos latihan yang dibenarkan, jika ada.
- 3.4 Salinan asal Borang Senarai Kehadiran Pelatih mestilah dikemukakan oleh penyedia latihan semasa membuat tuntutan yuran latihan.
- 3.5 Penyedia latihan adalah diingatkan agar memastikan setiap maklumat pada Borang Senaria Kehadiran Pelatih adalah benar dan betul kerana sebarang maklumat palsu atau pernyataan yang mengelirukan yang dikemukakan bagi tujuan tuntutan geran latihan adalah merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 41, Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001.

#### **4. PENUTUP**

- 4.1 Pekeliling Penyedia Latihan Bil 4/2004 ini berkuatkuasa pada 1 ogos 2004. Dengan ini, program latihan yang dijalankan mulai 1 ogos 2004 hendaklah menggunakan Borang Senarai Kehadiran Pelatih [PSMB/PER/2/01 \[Pin. 04\]](#) yang ditetapkan ini.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

**“PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN”  
“BERSAMA SEIRING MENGHADAPI GLOBALISASI”**

Yang ikhlas,

**(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN)**  
Pengurus Besar Kewangan  
b.p Ketua Eksekutif  
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

